

SMARTGREEN

BT7 – PEROLEHAN HIJAU

PEROLEHAN HIJAU

Selaras dengan pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan (Government Green Procurement – GGP), Kolej Komuniti Kulim menjadikan elemen hijau sebagai salah satu elemen penting bagi perolehan kerajaan yang dijalankan.

Seorang pegawai dari Unit Akademik dan Pendidikan Berterusan, Puan Norsyariza Hanim binti Mohd Sabri telah dilantik sebagai Pengurus Smart Green yang diharapkan dapat membantu proses perolehan hijau di institusi dijalankan.

 **KOLEJ KOMUNITI KULIM**
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
Kementerian Pendidikan Tinggi
Jalan Kota Kenari 2
Taman Kota Kenari
09000 Kulim
KEDAH

Tel : 04-4900412
Faks : 04-4900385
FB : Kolej Komuniti Kulim (Official)

Ruj. Kami : KK KU 500-19/1 Jld 6 (78)
Tarikh : 2 Januari 2024

PN. NORSYARIZA HANIM BINTI MOHD SABRI
Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
Kolej Komuniti Kulim

Tuan/Puan,

PELANTIKAN MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB DAN TUGAS KERJA DI KOLEJ KOMUNITI KULIM

Dengan hormatnya, perkara di atas dirujuk.

- Sukacita dimaklumkan bahawa tuan/puan dilantik menjalankan tanggungjawab dan tugas kerja seperti di lampiran bermula 15 Januari 2024 hingga 15 Januari 2026.
- Bersama-sama surat ini dikemukakan senarai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh tuan/puan sepanjang tempoh di atas dan surat akuan setuju terima yang perlu dikembalikan sebelum 15 Januari 2024.
- Pihak pengurusan mengucapkan tahniah di atas pelantikan ini. Semoga tuan/puan dapat melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diberikan secara profesional dengan penuh komitmen, cekap dan berkesan seterusnya dapat meningkatkan prestasi dan kecemerlangan Kolej Komuniti Kulim.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(RIZAL KASYRNO BIN GHAZALI)
Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
Kolej Komuniti Kulim
Kementerian Pendidikan Tinggi


PENERAJU KOMUNITI BERILMU DAN BERKEMAHIRAN





SENARAI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KERJA
KOLEJ KOMUNITI KULIM

NAMA: NORSYARIZA HANIM BINTI MOHD SABRI
UNIT: AKADEMIK DAN PENDIDIKAN BERTERUSAN
JAWATAN DAN GRED: PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI DH 48

BIL.	TUGAS KERJA
1	UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR PENYELARAS BIASISWA / ELAUN PELAJAR ➢ Menyelaras aktiviti bayaran elaun pelajar, elaun OKU dan bayaran balik elaun bagi pelajar berhenti.
2	UNIT AKADEMIK DAN PENDIDIKAN BERTERUSAN PENYARAH PENGAJIAN AM ➢ Merancang dan melaksanakan tanggungjawab akademik ➢ Merancang dan melaksanakan aktiviti pembelajaran sepanjang hayat (PSH)
3	UNIT KUALITI SETIAUSAHA AKREDITASI PROGRAM - MQA ➢ Membantu penyelaras MQA dalam aktiviti ke arah pengauditan MQA program AJK MS ISO 9001:2015 bagi aktiviti pelan strategik kolej
4	PENYELARAS PELAN STRATEGIK ➢ Membantu menyelaras aktiviti yang melibatkan pembangunan pelan strategik kolej ➢ Membuat pemantauan pencapaian kpi pelan strategik setiap unit
5	PENGURUS SMART GREEN POLYCC ➢ Menyelaras program Smart Green PolyCC mengikut arahan jabatan dari semasa ke semasa
6	Menjalankan tugas-tugas mengikut arahan yang diberikan dari semasa ke semasa

DISEDIAKAN OLEH: 
(SUHAIDA BINTI MAMAT)
TIMBALAN PENGARAH AKADEMIK
KOLEJ KOMUNITI KULIM

DISEMAK OLEH: 
(MOHAMMAD HAFIZ BIN BAKAR)
TIMBALAN PENGARAH PENGURUSAN
KOLEJ KOMUNITI KULIM

DILULUSKAN OLEH: 
(RIZAL KASYRNO BIN GHAZALI)
PENGARAH
KOLEJ KOMUNITI KULIM

TARIKH KEMASUKAN: 2.01.2024

Surat Iantikan Pengurus Smartgreen

Terdapat tiga perolehan hijau yang telah dilaksanakan oleh Kolej Komuniti Kulim iaitu:

- 1- Perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan
- 2- Perkhidmatan Sewaan Mesin Fotostat
- 3- Pembelian kertas A4.

Perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan

Perkhidmatan ini menyenaraikan cadangan bahan yang mempunyai elemen hijau dalam perolehan yang dijalankan. Taklimat turut disampaikan kepada pembekal sebelum pembekal mengemukakan cadangan sebut harga masing-masing.

E. SENARAI BAHAN-BAHAN DAN PERALATAN YANG DICADANGKAN UNTUK DIGUNAKAN DALAM PERKHIDMATAN KEBERSIHAN BANGUNAN BAGI KOLEJ KOMUNITI KULIM BAGI RUTIN SEBULAN SEKALI ATAU MENGIKUT KEPERLUAN SEMASA :

1. Bahan Pencuci dan pengilap lantai yang berbau wangi yang disahkan mesra alam, berjenama / setara dengannya, berkualiti, bersesuaian dan tidak menjejaskan/merosakkan jenis permukaan yang dibersihkan. - Lantai tandas 5 liter (2 unit) - Lantai biasa 5 liter (2 unit)
2. Pencuci cermin – 1 liter (1 unit)
3. Tisu tandas yang disahkan mesra alam/yang telah dikitar semula (Di dalam kubikel tandas) - Jenis bulat (2 kotak)
4. Tisu tangan yang disahkan mesra alam/yang telah dikitar semula (Di dalam kubikel tandas) - Jenis tarik (2 kotak)
5. Sabun pencuci tangan bilik air - 5 liter (2 botol)
6. Pewangi Tandas - 20 unit
7. Pewangi ruang pejabat - Jenis spray (40 tin)
8. Plastik sampah yang disahkan mesra alam - 3 pek
9. Bakul / tong sampah bertutup di dalam tandas

Senarai cadangan bahan Perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan Kolej Komuniti Kulim




Taklimat Sebut Harga Perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan Kolej Komuniti Kulim




Pembekal yang hadir dalam taklimat sebut harga Perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan baru-baru ini.

Perkhidmatan Sewaan Mesin Fotostat dan Bacaan Meter

Perkhidmatan ini menyenaraikan cadangan mesin yang mempunyai elemen hijau dalam perolehan yang dijalankan. Institusi telah memilih pembekal yang menawarkan mesin yang jimat tenaga dan pembekal turut mempunyai sijil My Hijau.



Cadangan mesin bagi Perkhidmatan Sewaan Mesin Fotostat dan Bacaan Meter di Kolej Komuniti Kulim



Sijil Myhijau pembekal yang berjaya dalam sebut harga Perkhidmatan Sewaan Mesin Fotostat dan Bacaan Meter di Kolej Komuniti Kulim



Mesin yang digunakan institusi ketika ini.

Pembelian kertas A4

Dalam pembelian peralatan alat tulis, Kolej Komuniti Kulim terus memilih bahan yang mempunyai elemen hijau melalui perolehan yang dijalankan. Kertas A4 jenama IK Yellow yang dibekalkan adalah mengikut saranan Forest Conservation Policy (FCP) yang menyokong komitmen zero penebangan dan pemuliharaan hutan semulajadi.

The screenshot displays a procurement system interface with the following details:

- PERIKLANSIAAN:**
 - Kementerian: KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
 - Pegawai Pungutan: UNIT TUKA BETAHAJAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
 - Kumpulan PTJ: KUMPULAN P1 KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
 - Disediakan Untuk PTJ: 62320118 KOLEJ KOMUNITI KULIM
 - PTJ Pembayar: 62320118 KOLEJ KOMUNITI KULIM
 - Pegawai Perolehan: 1192 | AUSTIN AKHILANTYAN NEGARA NEGERI KEDAH
- PERINCIAN PEMBELIAN:**
 - * Perihal: MENDEKAL KERTAS A4 PUTIH 80GM UNTUK KEDAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI KOLEJ KOMUNITI KULIM TAHUN 2023
 - Jenis Kontrol: Fused
 - Kontrol Dilaksanakan?:
 - Tarikh Dilakukan: 05/04/2023
 - Harga Mengikuti Zero?:
- PERINCIAN PERFORMA:**
 - No. Pendaftaran: 223034-D
 - No. MCF: 0317-600230434
 - No. Pendaftaran CSP: 136
 - No. SP: 047-00088000
 - Tarikh Pengesahan di SP: 13/02

Perolehan pembelian terus kertas A4 IK Yellow



Elemen hijau yang terdapat pada produk kertas A4 di Kolej Komuniti Kulim

Laporan Prestasi

Laporan prestasi telah dikeluarkan setiap tahun dengan mengambil kira penilaian setiap kakitangan institusi yang menggunakan perkhidmatan pembekal termasuk pembekal perolehan hijau. Berikut adalah laporan yang dikeluarkan pada tahun 2023 untuk prestasi pembekal sepanjang tahun 2022/2023.

LAPORAN KAJIAN SEMULA PENGURUSAN

7|Prestasi penyedia luar

**LAPORAN PRESTASI PENYEDIA LUAR
UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN
TAHUN 2023**

TUJUAN
Tujuan laporan ini adalah untuk membentangkan dapatan dari soal selidik prestasi pembekal yang pernah membekalkan perkhidmatan dan barangan serta kerja di Kolej Komuniti Kulim bermula dari September 2022 hingga Jun 2023.

LATARBELAKANG
Analisa ini adalah pada peringkat Kolej Komuniti Kulim dengan bilangan responden yang terlibat adalah 38 orang. Bilangan pembekal (kontrak) terlibat adalah sebanyak 5 buah syarikat.

PRESTASI PEMBEKAL
Perkhidmatan Pembersihan Bangunan dan Pejabat
Nama Syarikat: AMBANG BUDAYA ENTERPRISE

Bil.	Tarikh Pembayaran	Nama Syarikat	Kategori Perolehan	Jenis Perolehan	Penilaian Tahap Prestasi Pembekal
1.	1/09/2022	Ambang Budaya Ent	Kontrak	Perkhidmatan	4.00
2.	1/10/2022	Ambang Budaya Ent	Kontrak	Perkhidmatan	2.67
3.	1/11/2022	Ambang Budaya Ent	Kontrak	Perkhidmatan	4.00
4.	1/12/2022	Ambang Budaya Ent	Kontrak	Perkhidmatan	4.00
5.	1/01/2023	Ambang Budaya Ent	Kontrak	Perkhidmatan	4.00
6.	1/02/2023	Ambang Budaya Ent	Kontrak	Perkhidmatan	4.00
7.	1/03/2023	Ambang Budaya Ent	Kontrak	Perkhidmatan	4.00
8.	1/04/2023	Ambang Budaya Ent	Kontrak	Perkhidmatan	4.00
9.	1/05/2023	Ambang Budaya Ent	Kontrak	Perkhidmatan	4.00
PURATA					3.85

*data diambil dari sistem eperolehan.

LAPORAN KAJIAN SEMULA PENGURUSAN

ANALISA PEMBEKAL

Bekalan/Perkhidmatan yang disediakan memenuhi spesifikasi yang ditetapkan.
38 responses

Bekalan/Perkhidmatan yang diberikan mengikut masa yang telah ditetapkan.
38 responses

Bekalan/Perkhidmatan yang disediakan adalah berkualiti.
38 responses

LAPORAN KAJIAN SEMULA PENGURUSAN

Khidmat sokongan yang telah diberikan adalah berselesaian.
38 responses

Tahap kesesuaian kualiti Bekalan/Perkhidmatan yang diberikan atau disediakan adalah berada pada tahap.
38 responses

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Secara keseluruhannya, tahap kualiti perkhidmatan yang disediakan boleh ditambahbaik dari semasa ke semasa dengan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan didalam kontrak.